

Jika proses ini berjaya kajian praklinikal menyusul

Vaksin kita peringkat klon

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Status pembangunan vaksin Covid-19 buatan Malaysia kini di peringkat pengklonan yang merangkumi virus asal dan SARS-CoV-2 jenis *messenger ribonucleic acid* (mRNA) sejak kajian bermula November tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, pembangunan itu melibatkan kerjasama antara Institut Kajian Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dibiayai Institut Kesihatan Negara (NIH) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

“Apabila proses terbabit berjaya, kajian praklinikal akan dilakukan ke atas haiwan besar dan kecil sebelum kajian klinikal ke atas manusia.

“Pengklonan yang merangkumi virus asal dan SARS-CoV-2 jenis *messenger ribonucleic acid* (mRNA) dengan penjujukan genetik bagi menghasilkan imuniti terhadap virus Covid-19,” katanya dalam sidang akhbar



SEBAHAGIAN penduduk Projek Perumahan Rakyat Pudu Ulu, Kuala Lumpur menunggu mendapatkan vaksin Covid-19 dalam Program Vaksinasi Bergerak MyMedic, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Dr. Adham berkata, sebanyak 24 kluster Covid-19 menunjuk-

kan kadar positif melebihi 80 peratus, seperti Kluster Alam Jaya Dua, melibatkan sebanyak 119 kes positif selepas 141 individu disaring.

“Apabila sesuatu kawasan

mempunyai kes yang tinggi, maka *survelan genom* dan mengesan varian baharu dilakukan bagi membolehkan tindakan susulan dibuat,” katanya.